

28 JAN 1999

PANGLIMA TENTERA CHINA LAWAT MELAKA

MELAKA, 28 Jan (Bernama) -- Panglima Angkatan Tentera Pembebasan Rakyat China Jen Fu Quanyou melakukan lawatan sehari ke Melaka hari ini dengan mengunjungi Markas 21 Grup Gerak Khas, Kem Sungai Udang dan beberapa tempat bersejarah di negeri ini.

Ketibaan beliau di markas itu disambut oleh Panglima Tiga Divisyen Mej Jen Datuk Zaini Mohd Said serta pegawai kanan tentera.

Fu dibawa melawat ke tempat bersejarah termasuk tokong Sam Poh Kong, Perigi Hang Li Po di kaki Bukit Cina dan Kompleks Sejarah di Bandar Hilir.

Fu dan rombongan seramai lapan orang berada di Malaysia sejak Isnin lepas untuk lawatan lima hari bagi meningkatkan persahabatan serta kerjasama dua hala.

Beliau telahpun menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Panglima Angkatan Tentera Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Zainuddin.

-- BERNAMA

NO MAI